

13/05/1998

G15 perlu bertindak sebelum terlambat

SEJAK bermula krisis kewangan di Asia 10 bulan lalu, banyak yang sudah dibincangkan mengenai puncanya. Bagi negara Barat, mereka banyak menyalahkan negara Asia kerana kelemahan dalam pengurusan dan kurangnya ketelusan dalam sistem kewangan.

Sesetengah negara di Asia yang terkesan dengan krisis itu pula, walaupun mengakui kelemahan mereka sedikit sebanyak menyumbang kepada krisis itu, tetap menyalahkan pengaliran dana jangka pendek dan kegiatan spekulasi yang tidak terkawal sebagai pencetus kepada krisis berkenaan.

Apa sekalipun hujah yang diberi, hakikatnya kestabilan pasaran kewangan di Asia masih belum tercapai. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada wujud sesuatu penyelesaian yang boleh dilakukan bagi menangani krisis itu atau apakah orde globalisasi menjadikan aliran mengejut dana secara besar-besaran kini mustahil dikawal selia.

Meskipun negara Asia yang terjejas dengan krisis itu sama ada yang menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ataupun tidak, sudah banyak menunjukkan kesanggupan untuk melaksanakan reformasi terhadap struktur ekonomi masing-masing, mereka nampaknya masih terdedah kepada tindak-tanduk kuasa pasaran.

Negara Barat berpendapat kuasa pasaran yang tidak berwajah itu seharusnya dibiarkan bermaharaja lela. Bagi mereka, hanya kuasa pasaranlah yang boleh mendisiplinkan negara yang lemah dalam pengurusan kewangannya. Namun, agak jelas kuasa pasaran itu sendiri kurang disiplin dan tidak semestinya bergantung kepada maklumat yang sahih dalam menentukan tindak-tanduknya. Kadangkala hanya khabar angin ataupun laporan penganalisis dan agensi penarafan yang tidak tentu kesahihannya mampu menggerakkan pasaran dengan mendadak.

Dalam pergerakan yang tidak berasas seperti itu agak sukar bagi negara yang melakukan reformasi untuk benar-benar memastikan sama ada apa yang mereka laksanakan adalah sesuatu yang digemari pasaran atau tidak. Meskipun apa yang dilakukan itu benar-benar menepati syarat IMF sekalipun, belum tentu kuasa pasaran akan memberi reaksi positif kepada langkah berkenaan.

Oleh kerana negara maju masih kurang minat untuk mengadakan pengawalan terhadap kuasa pasaran, inisiatifnya kini jatuh kepada negara membangun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara membangun Kumpulan 15 (G15) mempunyai kuasa mempengaruhi negara lain di luar kumpulan itu supaya berganding bahu menangani kegawatan ekonomi.

Katanya pada sidang akhbar menjelang Sidang Puncak Ketua Negara dan Kerajaan G15 di Kaherah, kelmarin G15 sendiri tidak begitu mampu, tetapi ia boleh mempengaruhi beberapa negara lain.

Menurutnya, walaupun menyedari kuasa pasaran begitu berpengaruh, satu cara perlu dicari bagi memisahkan diri daripada sistem itu. "Kita mengakui kuasa pasaran adalah kuat. Tetapi, kita harus mencari jalan supaya kita terpisah daripada sistem yang memberi kuasa kepada mereka," katanya.

Kita berpendapat, G15 yang mewakili negara membangun sebenarnya mempunyai kepentingan untuk mempengaruhi masyarakat dunia supaya meletakkan kawalan terhadap kuasa pasaran itu. Kumpulan itu perlu menyedari walaupun kini hanya negara membangun di Asia yang terjejas dengan tindak-tanduk kuasa pasaran itu, lambat-laun negara membangun lain juga mengalami nasib yang sama jika kuasa pasaran menetapkan demikian.

Krisis kewangan di Asia sekarang sebenarnya adalah satu perkembangan

yang kritikal bagi G15 kerana krisis itu sudah secara ketara melemahkan ekonomi negara anggota Asia.

Anggota G15 yang lain mungkin melihat dari jauh dan mungkin tidak terasa bahannya secara langsung. Tetapi mereka harus menyedari bahawa kuasa pasaran yang tidak terkawal mungkin pada suatu hari kelak memporak-perandakan rantau mereka dengan kesan yang akan menidakkan segala kemajuan yang diusahakan sekarang.

Semua pihak kini perlu akur bahawa usaha mengelak satu lagi arus kegawatan ekonomi memerlukan komitmen semua dan ia perlu dilaksanakan secepat mungkin. Ini kerana jika arus kegawatan berulang dalam tempoh terdekat, dunia berdepan dengan risiko keruntuhan yang parah dan ketika itu semuanya mungkin sudah terlambat.

(END)